

TERMA DAN SYARAT UNTUK PENGGUNA DOMPET PULSE (“TERMA-TERMA PENGGUNAAN”)

Kemas kini terakhir: 2 November 2020

Penting – Sila baca terma dan syarat berikut untuk semua pengguna dompet digital atau dompet maya mudah alih jenama Pulse (“**Dompot Pulse**”) dengan teliti. Dengan menggunakan Dompot Pulse yang dioperasikan oleh Fass Payment Solutions Sdn. Bhd. (No. Pendaftaran: 201201032773; 1017261-P) (“**Fasspay**”/ “**kami**”/ “**kita**”) dalam aplikasi mudah alih Pulse (“**App Pulse**”) yang dimiliki oleh Pulse Ecosystems Pte. Ltd. (No. Pendaftaran Syarikat Singapura: 202017773E) (“**PEL**”), anda bersetuju bahawa anda sudah membaca, menerima dan bersetuju dengan Terma-Terma Penggunaan ini, termasuklah semua representasi mengenai anda seperti yang dinyatakan dalam Terma-Terma Penggunaan dan Polisi Privasi serta Polisi Perlindungan Data Peribadi untuk Pengguna Dompot Pulse (“**Polisi Privasi Dompot**”). Jika anda tidak bersetuju dengan atau tidak tergolong dalam Terma-Terma Penggunaan ini dan/atau Polisi Privasi Dompot, sila berhenti menggunakan Dompot Pulse dan/atau tidak menggunakan Dompot Pulse.

Terma-Terma Penggunaan ini menjadi suatu kontrak yang terikat secara sah antara anda, pengguna Dompot Pulse (“**Pengguna**”) dan Fasspay.

Terma-Terma Penggunaan ini dan Polisi Privasi boleh disemak, diakses atau didapatkan kembali menggunakan alamat laman web berikut, http://public-assets.fasspay.com/ew/partner/pulse/termservice_ms.html dan/atau melalui Dompot Pulse. Penggunaan Dompot Pulse secara berterusan oleh anda akan dianggap sebagai penerimaan nyata anda terhadap Terma-Terma Penggunaan ini dan Polisi Privasi. Sila semak Terma-Terma Penggunaan ini dan Polisi Privasi Dompot dari masa ke masa. Anda sedar dan setuju bahawa Fasspay boleh, menurut budi bicaranya, mengemas kini atau menyemak semula Terma-Terma Penggunaan ini dan Polisi Privasi Dompot pada bila-bila masa.

1. PENGGUNAAN DOMPOT PULSE

- 1.1 Dompot Pulse membenarkan anda untuk membuat pembayaran digital di terminal tempat jualan atau pembaca ejen, pedagang dan penyedia perkhidmatan dan produk yang sah untuk menerima pembayaran melalui penggunaan Dompot Pulse, dengan syarat tiada pembayaran yang menyalahi Terma-Terma Penggunaan ini dibenarkan.
- 1.2 Anda boleh menggunakan Dompot Pulse di Malaysia untuk membuat pembayaran hanya di premis-premis yang menerima Dompot Pulse secara sah.

2. KELAYAKAN AKAUN DOMPOT PULSE

- 2.1 Untuk menggunakan Dompot Pulse, anda mesti mendaftar untuk membuka akaun Dompot Pulse di App Pulse. Anda akan menyediakan dokumen pengenalan yang diperlukan melalui Dompot Pulse agar kami dapat mengakses kelayakan anda untuk membuka akaun Dompot Pulse. Anda mesti berusia 12 tahun dan ke atas untuk layak membuka akaun Dompot Pulse, Jika anda berusia bawah 18 tahun atau tidak mencapai umur dewasa, anda dengan ini bersetuju dengan nyata dan mengakui bahawa anda telah mendapatkan kebenaran, persetujuan dan/atau kelulusan ibu bapa dan/atau penjaga sah anda untuk mendaftar akaun Dompot Pulse dan/atau menggunakan Dompot Pulse.
- 2.2 Anda mesti menyediakan maklumat terkini, lengkap dan tepat serta mengekalkan maklumat tersebut terkini dan tepat sepanjang anda menggunakan Dompot Pulse. Fasspay mungkin memerlukan anda untuk menyediakan maklumat tambahan sebagai syarat anda meneruskan penggunaan Dompot Pulse, atau menyasat dan menentukan kelayakan anda untuk menggunakan Dompot Pulse. Anda bersetuju untuk menyediakan maklumat seperti yang diperlukan atau diminta oleh Fasspay, termasuklah maklumat yang diperlukan untuk mengesahkan identiti anda atau mengesahkan kesahan sebarang akaun bank yang anda gunakan apabila mendaftar akaun Dompot Pulse anda. Akaun bank tersebut mestilah akaun sah yang dibuka di institusi-institusi kewangan berlesen di Malaysia (“Akaun Bank”) (“Bank”). Untuk tujuan kiriman dana daripada akaun Dompot Pulse ke Akaun Bank, Akaun Bank tersebut mestilah didaftar menggunakan alamat pembilan di Malaysia.

3. HUBUNGAN DAN TANGGUNGJAWAB

- 3.1 Fasspay ialah penyedia perkhidmatan dompet maya. Perkhidmatan-perkhidmatan Fasspay termasuklah penghosan, penciptaan, penyelenggaraan dan penyediaan perkhidmatan dompet maya seperti Dompet Pulse. Sebagai penyedia perkhidmatan dompet maya, Fasspay akan:
- (a) mengekalkan akaun berasingan bersama seorang penyedia perkhidmatan akaun amanah untuk menyimpan dana anda secara berasingan daripada dana korporat kami; dan
 - (b) melaksanakan pemindahan dana dari akaun Dompet Pulse ke akaun pihak ketiga atas arahan anda melalui akaun Dompet Pulse.
- 3.2 Fasspay adalah sebuah pemudah cara pembayaran, dan bukan sebuah institusi kewangan berlesen. Fasspay tidak menyediakan sebarang perkhidmatan perbankan termasuklah, tidak terhad pada, kemudahan kredit atau pinjaman, akaun simpanan. Dana anda yang dideposit menggunakan Fasspay melalui akaun Dompet Pulse anda tidak akan mengumpul sebarang faedah atau apa-apa perolehan melainkan dimaklumkan secara khusus atau didedahkan kepada anda.
- 3.3 Anda sedar dan mengakui bahawa penggunaan Dompet Pulse mungkin menggunakan rangkaian dan memakan data, yang disediakan kepada anda, oleh penyedia dan/atau pembawa perkhidmatan mudah alih atau tanpa wayar anda. Sebagai contoh, penggunaan Dompet Pulse, termasuk tetapi tidak terhad pada, memuat turun perisian atau aplikasi yang diperlukan, penghantaran atau penerimaan mesej teks, boleh dikenakan bayaran atau caj oleh penyedia atau pembawa perkhidmatan mudah alih anda. Anda bersetuju bahawa anda bertanggungjawab ke atas apa-apa dan semua bayaran atau caj yang dikenakan, dan/atau sekatan yang dikenakan oleh penyedia perkhidmatan tanpa wayar, mudah alih dan perkhidmatan lain yang berkaitan.
- 3.4 Anda sedar dan bersetuju bahawa Fasspay dan/atau PEL boleh menghubungi anda melalui peranti mudah alih anda, melalui e-mel atau panggilan telefon automatik atau mesej teks, untuk sebarang tujuan berkaitan dengan akaun Dompet Pulse anda.

4. PENGGUNAAN AKAUN DOMPET DAN PENYELENGGARAAN

- 4.1 Anda boleh memilih untuk menambah apa-apa kad kredit atau kad pembayaran yang dikeluarkan secara sah atau kaedah lain untuk memindahkan dana anda ke akaun Dompet Pulse anda seperti yang tersedia di Dompet Pulse termasuklah proses debit akaun Dompet Pulse anda menggunakan dana di Akaun Bank anda (“**Sumber Dana**”). Anda boleh membuat pemindahan dana ke akaun Dompet Pulse anda atau mengaturkan pemindahan dana secara automatik ke akaun Dompet Pulse anda, pada apa-apa jumlah, bila-bila masa sehingga jumlah maksimum **RM5,000** ke akaun Dompet Pulse anda.
- 4.2 Anda bertanggungjawab untuk memastikan bahawa terdapat dana yang mencukupi dalam akaun Dompet Pulse anda sebelum menggunakan Dompet Pulse dan anda bersetuju untuk mematuhi had transaksi Dompet Pulse yang berikut:
- Jumlah dana maksimum dibenarkan di Dompet Pulse ialah Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000);
 - Had limit transaksi harian maksimum Dompet Pulse ialah Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000); dan
 - Had transaksi bulanan maksimum untuk Dompet Pulse ialah Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000).
- 4.3 Anda bersetuju bahawa Fasspay boleh mengesahkan dan membenarkan butiran Sumber Dana apabila anda mendaftarkan Sumber Dana anda buat kali pertama untuk membuka akaun Dompet Pulse. Jika anda menggunakan kad kredit sebagai Sumber Dana, anda bersetuju bahawa Fasspay boleh mengeluarkan tangguhan kebenaran yang wajar (bukan caj sebenar ke atas kad kredit anda) untuk mengesahkan pembayaran melalui kad kredit anda. Penangguhan kebenaran ini mungkin muncul di penyata kad kredit anda sebagai “tergantung”. Penangguhan kebenaran dikeluarkan sebagai langkah pencegahan terhadap sebarang penggunaan yang tidak dibenarkan atau menyeleweng kad kredit anda. Jika pembayaran dilakukan melalui

Dompot Pulse dengan menggunakan kad kredit sebagai Sumber Dana diproses di luar negara, anda akan menanggung sebarang caj tambahan yang berkaitan dengannya.

- 4.4 Anda boleh membuat pembayaran sehingga RM5,000 untuk setiap transaksi melalui akaun Dompot Pulse anda. Apabila anda menerima atau membuat pembayaran, anda bertanggungjawab terhadap Fasspay untuk membuat pembayaran penuh termasuk apa-apa bayaran jika pembayaran menjadi tidak sah kemudian atas apa-apa sebab, termasuklah tetapi tidak terhad pada tuntutan atau caj balik, atau jika terdapat penarikbalikan pembayaran berlaku. Anda bersetuju untuk membenarkan Fasspay menentukan, atau dalam situasi apabila kad kredit digunakan sebagai Sumber Dana, menghubungi terus pengeluar kad kredit anda untuk mengenal pasti pihak berkaitan untuk menanggung liabiliti ke atas tuntutan, caj balik atau penarikbalikan sebegitu dan apa-apa yang berkaitan untuk mendapatkan semula apa-apa jumlah yang perlu dibayar kepada Fasspay berkaitan dengan pembayaran anda.
- 4.5 Anda bertanggungjawab untuk menyelesaikan sebarang pertikaian dengan pengeluar kad kredit anda. Anda akan bertanggungjawab ke atas semua kerugian, penarikbalikan, bayaran, tuntutan, penalti atau caj balik yang ditanggung oleh anda, Fasspay, Pengguna lain atau pihak ketiga yang berlaku kerana atau timbul akibat anda melanggar Terma-Terma Penggunaan ini, kerosakan atau kehilangan peranti mudah alih anda, penggunaan akaun Dompot Pulse anda oleh pihak ketiga dan/atau penggunaan Dompot Pulse yang tidak sah atau salah, di mana perkara yang sama ditanggung oleh Fasspay, Pengguna lain atau pihak ketiga anda bersetuju untuk memberi tanggung rugi ke atas hal yang sama, dan membayar balik apa-apa dan semua liabiliti tersebut.
- 4.6 Anda boleh memohon pengeluaran dana tersedia di akaun Dompot Pulse anda melalui Dompot Pulse atau membuat permohonan bertulis kepada PEL menurut klausa 4.7 jika fungsi pengeluaran tidak tersedia di Dompot Pulse, **dan jika anda membuat permohonan tersebut, anda perlu membayar bayaran sebanyak RM2** kepada Fasspay untuk setiap permohonan pengeluaran. Bayaran pengeluaran akan ditolak dari akaun Dompot Pulse.
- 4.7 Untuk sebarang pertanyaan, permohonan perkhidmatan (cth. bayaran balik, tambah nilai, pembatalan, kehilangan peranti, aktiviti penyelewengan, pencurian dana dsb.) dan aduan berkenaan Dompot Pulse, **silalah e-mel ke ewallet@wedopulse.com** dari pukul 9 pagi hingga 6 petang; Isnin hingga Jumaat (**Waktu Perkhidmatan Biasa**). Untuk waktu di luar Waktu Perkhidmatan Biasa, anda boleh melaporkan kehilangan peranti, pencurian dana atau aktiviti yang disyaki menyeleweng dengan menghantar e-mel ke wallet.support@fasspay.com.
- 4.8 Jika anda mengesyaki bahawa peranti mudah alih anda hilang atau dicuri, atau berlaku transaksi Dompot Pulse yang tidak dibenarkan, anda sedar dan bersetuju bahawa akaun Dompot Pulse anda akan kekal aktif sehingga anda memaklumkan PEL seperti yang dinyatakan di klausa 4.7 bahawa akaun Dompot Pulse anda telah diceroboh. Anda mesti memaklumkan PEL menurut klausa 4.7 untuk sebarang kehilangan atau pencurian atau jika akaun Dompot Pulse anda diceroboh, secepat mungkin. Fasspay mempunyai hak mutlak untuk menggantung Dompot Pulse anda dan/atau pemprosesan apa-apa transaksi yang mereka percaya dengan sewajarnya bahawa terdapat transaksi yang tidak sah atau menyeleweng berlaku atau melibatkan apa-apa aktiviti jenayah atau apabila Fasspay percaya dengan sewajarnya bahawa anda melanggar Terma-Terma Penggunaan ini. Anda bersetuju bahawa anda akan bekerjasama dengan Fasspay dalam apa-apa penyiasatan atau pemeriksaan jenayah kewangan yang diwajibkan dan memberi kerjasama kepada Fasspay untuk mematuhi mana-mana undang-undang atau peraturan semasa yang berkaitan. Anda bersetuju untuk segera memaklumkan PEL seperti yang dinyatakan di klausa 4.7 mengenai sebarang aktiviti menyeleweng atau pencurian dana di Dompot Pulse yang anda ketahui dan Fasspay dan/atau PEL akan memproses penggantungan akaun Dompot Pulse anda secara serta-merta selepas menerima notifikasi anda.
- 4.9 Sebarang penggantungan akaun Dompot Pulse akan berkuat kuasa dalam tempoh dua puluh empat (24) jam dari masa notifikasi dihantar ke PEL menurut klausa 4.7. Anda kekal bertanggungjawab ke atas Fasspay untuk semua transaksi akaun Dompot Pulse anda (termasuk semua kos berkaitan penggunaannya yang tidak dibenarkan) sebelum penggantungan akaun Dompot Pulse anda. Fasspay tidak akan bertanggungjawab untuk

membayar balik apa-apa bayaran yang dikenakan akibat penggunaan mana-mana individu sehingga tempoh dua puluh empat (24) jam daripada masa notifikasi dihantar berakhir.

- 4.10 Fasspay akan memulangkan baki akaun Dompot Pulse anda (kecuali apa-apa bayaran yang perlu dibayar kepada Fasspay) dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas Fasspay menerima permohonan atau notifikasi untuk pembayaran balik melalui Dompot Pulse atau melalui PEL seperti yang dinyatakan dalam klausa 4.7. Sila memaklumkan atau melaporkan kepada PEL menurut klausa 4.7 serta-merta jika akaun Dompot Pulse anda diceroboh. Jika tidak, dan terdapat arahan tambah nilai automatik yang dipaut ke akaun Dompot Pulse anda, anda akan bertanggungjawab ke atas apa-apa tambah nilai yang dibuat apabila tambah nilai berjaya. Sebarang tambah nilai atau kredit yang berlaku daripada tambah nilai automatik yang dipaut ke akaun Dompot Pulse anda hanya akan dibayar balik atau diganti jika anda melaporkan atau menghantar notifikasi kepada PEL menurut klausa 4.7 dengan serta-merta bahawa akaun Dompot Pulse anda telah diceroboh.

5. PENAMATAN

- 5.1 Anda boleh menamatkan akaun Dompot Pulse anda pada bila-bila masa dengan menghantar permohonan untuk menamatkan akaun Dompot Pulse anda menurut klausa 4.7. Apabila penamatan akaun Dompot Pulse anda diproses oleh Fasspay, perkara berikut akan berlaku:
- (a) Semua transaksi tertangguh akan dibatalkan. Anda dimaklumkan bahawa jika anda dalam proses atau membeli perkhidmatan/barangan, transaksi itu akan dibatalkan juga.
 - (b) Apa-apa token luar talian yang terdapat pada akaun Dompot Pulse anda akan dinyahdaya.
 - (c) Apa-apa kad kredit atau kad pembayaran yang anda sambung ke akaun Dompot Pulse anda akan dinyahdaya.
 - (d) Apa-apa baki dana di akaun Dompot Pulse anda akan dikembalikan ke Akaun Bank atau kad kredit yang disambungkan ke akaun Dompot Pulse anda. Jika anda mahu dana tersebut dipindahkan ke akaun bank berbeza, sila hantar permohonan bertulis kepada PEL menurut klausa 4.7 berserta arahan anda dan menyediakan butiran akaun bank tersebut. Dana tersebut akan dihantar kepada anda apabila penolakan bayaran pentadbiran yang perlu dibayar kepada Fasspay untuk akaun Dompot Pulse anda (jika ada) dilakukan, tetapi dalam dalam tempoh tiga puluh (30) hari daripada penerimaan permohonan anda oleh Fasspay untuk menamatkan akaun Dompot Pulse anda.
- 5.2 Fasspay berhak menahan dana di akaun Dompot Pulse anda untuk tempoh masa yang wajar dengan tujuan menjalankan apa-apa penyiasatan jika Fasspay mengesyaki bahawa akaun Dompot Pulse anda terlibat dalam penyelewengan atau pertikaian dengan (a) mana-mana pedagang yang menerima Dompot Pulse sebagai cara pembayaran atau (b) akaun Dompot Pulse yang lain.
- 5.3 Akaun Dompot Pulse anda akan digantung jika tiada transaksi dilakukan oleh anda melalui Dompot Pulse selama dua belas (12) bulan. Anda perlu menghubungi PEL menurut klausa 4.7 untuk mengaktifkan semula akaun Dompot Pulse anda dan bayaran dorman akan ditolak daripada akaun anda. Bayaran dorman sebanyak RM5 akan ditolak daripada akaun Dompot Pulse anda setiap tahun, bermula dari tempoh penggantungan akaun Dompot Pulse anda kerana tidak aktif, sehingga tempoh tujuh (7) tahun atau sehingga baki akaun Dompot Pulse anda habis, mana-mana satu yang berlaku dahulu.
- 5.4 Jika berlaku mana-mana situasi di atas, Fasspay berhak untuk berurusan dengan mana-mana pemegang amanah, eksekutif atau wakil Mahkamah Malaysia sebagai Fasspay, menurut budi bicaranya, dianggap berkaitan dengan pengurusan apa-apa baki dana dalam akaun Dompot Pulse anda.
- 5.5 Pengguna-pengguna dialu-alukan untuk menghubungi PEL menurut klausa 4.7 jika mereka ingin membuat aduan berkaitan Dompot Pulse.
- 5.6 Fasspay ingin menekankan bahawa Pengguna-Pengguna boleh menggunakan perkhidmatan BNMLINK dan TELELINK Bank Negara Malaysia (“BNM”) berkaitan isu-isu melibatkan perlakuan dan aktiviti entiti dikawal selia oleh BNM, termasuklah pengeluaran Instrumen Pembayaran Dilantik seperti Fasspay. Fasspay

dan PEL adalah komited untuk memberi sepenuh kerjasama kepada BNM serta menggalakkan para Pengguna untuk menggunakan perkhidmatan BNMLINK dan TELELINK sepenuhnya. Butiran perkhidmatan BNMLINK dan TELELINK BNM adalah seperti berikut:

BNMLINK

Pusat Perkhidmatan Pelanggan

Aras Bawah, Blok D,

Jalan Dato' Onn

50480 Kuala Lumpur

Tel: +603-2698-8044 sambungan 8950 / 8958 (talian awam BNMLINK)

BNMTELELINK

Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK)

Bank Negara Malaysia

Kotak P.O. 10922

50929 Kuala Lumpur

Tel: 1-300-88-5465 (1-300-88-LINK)

(Luar Negara: +603-2174-1717)

Faks: +603-2174-1515

E-mel: bnmtelelink@bnm.gov.my

- 5.7 Anda bersetuju untuk membuat apa-apa aduan atau pertikaian berkenaan apa-apa transaksi akaun Dompot Pulse yang salah dalam tempoh satu (1) bulan (a) transaksi tersebut dilakukan atau (b) anda mengetahui bahawa berlaku penyelewengan dalam penggunaan Dompot Pulse anda, mana-mana satu yang lebih berlaku dahulu.

6. PEMILIKAN DAN KESELAMATAN AKAUN DOMPET PULSE

- 6.1 Anda bertanggungjawab untuk mengekalkan keselamatan dan kerahsiaan ID log masuk akaun Dompot Pulse, akaun Dompot Pulse dan kata laluan Dompot Pulse anda dan sebarang maklumat atau bahan pengenalan lain, yang disediakan untuk anda mengakses dan menggunakan Dompot Pulse.
- 6.2 Anda bersetuju untuk menyediakan bukti identiti anda sepertimana yang diperlukan atau diminta oleh Faspay sewajarnya. Anda mengakui dan bersetuju bahawa akaun Dompot Pulse anda boleh didaftar menggunakan satu (1) nombor telefon bimbit atau peranti elektronik lain yang mengoperasikan Dompot Pulse.
- 6.3 Anda bersetuju untuk menyediakan maklumat terkini, lengkap dan tepat seperti yang diperlukan untuk Dompot Pulse dan menanggung tanggungjawab untuk mengekalkan dan mengemas kini maklumat anda pada waktunya untuk memastikan maklumat tersebut kekal tepat, terkini dan lengkap sepanjang masa menurut Terma-Terma Penggunaan ini. Anda bersetuju jika maklumat anda tidak benar, tidak tepat, bukan yang terkini atau tidak lengkap dalam apa jua cara sekalipun, Faspay mempunyai hak tetapi tidak berkewajipan untuk menamatkan Terma-Terma Penggunaan ini dan penggunaan Dompot Pulse oleh anda pada bila-bila masa dengan atau tanpa menghantar notis kepada anda.
- 6.4 Anda hanya akan menggunakan satu punca akses atau peranti dengan keperluan sistem pengoperasian minimum untuk iOS dan/atau Android yang disenaraikan di Apple App Store dan/atau Google Play Store yang dibenarkan untuk anda memuat turun dan mengakses Dompot Pulse. Anda bertanggungjawab untuk mengehendkan akses ke peranti mudah alih atau komputer peribadi anda agar dapat mengelakkan akses tidak

dibenarkan ke akaun Dompot Pulse anda. Anda bersetuju untuk menerima tanggungjawab ke atas semua transaksi yang berlaku di akaun Dompot Pulse anda, sama ada dibenarkan atau tidak dibenarkan oleh anda.

- 6.5 Anda perlu melakukan semua langkah yang sepatutnya untuk memastikan keselamatan peranti anda dan anda bersetuju:-
- (a) untuk tidak meninggalkan peranti mudah alih anda tanpa jagaan semasa mendaftar masuk ke Dompot Pulse dan mendaftar keluar serta-merta pada penghujung setiap sesi anda;
 - (b) untuk memastikan kata laluan akaun Dompot Pulse anda kekal rahsia dan terlindung; dan
 - (c) untuk memaklumkan PEL serta-merta, menurut klausa 4.7 jika anda mempunyai apa-apa sebab untuk percaya bahawa kata laluan akaun Dompot Pulse anda terdedah.
- 6.6 Anda dengan ini mewakili dan berjanji, kepada dan bersama Fasspay bahawa anda adalah pemilik sah Akaun Bank, Sumber Dana dan maklumat kewangan anda lain yang boleh diperolehi melalui akaun Dompot Pulse anda. Anda mewakili dan berjanji, kepada dan bersama Fasspay bahawa apa-apa dan semua maklumat yang disediakan oleh anda melalui Dompot Pulse atau berkaitan dengan Dompot Pulse adalah tepat, terkini dan lengkap, serta anda berhak untuk menyediakan maklumat tersebut kepada kami dengan tujuan menggunakan Dompot Pulse.
- 6.7 Fasspay diwajibkan untuk mematuhi peruntukan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (“**AMLA**”) sebagai operator Instrumen Bayaran Dilantik oleh BNM. Pengguna-Pengguna Dompot Pulse perlu menyediakan kepada Fasspay maklumat atau data sebegitu untuk membenarkan Fasspay menetapkan dan mengesahkan identiti mereka, semasa pendaftaran akaun Dompot Pulse mereka dan secara berterusan, untuk membantu pematuhan Fasspay terhadap peruntukan AMLA. Fasspay berhak menggantung, menarik balik, menolak dan/atau menyekat, penggunaan akaun Dompot Pulse (atau apa-apa yang berkaitan) transaksi yang berlaku pada bila-bila masa, tanpa liabiliti, tanpa notis.
- 6.8 Anda dengan ini mengaku dan bersetuju bahawa Fasspay dan sekutu-sekutunya boleh menggunakan maklumat dan data yang disediakan dengan tujuan menetapkan identiti anda dan melaksanakan program pemantauan berterusan untuk memastikan pematuhan anda dan/atau Fasspay terhadap peruntukan AMLA, dan mematuhi apa-apa undang-undang pencegahan pengubahan wang haram atau pencegahan pembiayaan keganasan yang berkaitan dengan Fasspay atau sekutu-sekutunya, di samping berkongsi data tersebut secara dalaman bersama-sama sekutu-sekutunya dan pihak ketiga yang dikhidmat luar oleh Fasspay dalam hal berkaitan pemindahan dan pelaporan data tersebut dan transaksi akaun Dompot Pulse anda kepada BNM, dan pihak berkuasa atau agensi penguatkuasaan undang-undang lain yang dianggap bersesuaian oleh Fasspay.

7. PINDAAN PADA TERMA-TERMA PENGGUNAAN

- 7.1 Fasspay boleh, menurut budi bicaranya, untuk meminda, menyemak, mempelbagai, mengubah suai atau mengemas kini Terma-Terma Penggunaan ini. Penggunaan berterusan Dompot Pulse oleh anda akan dianggap sebagai penerimaan nyata anda terhadap Terma-Terma Penggunaan ini dan Polisi Privasi, seperti yang dikemas kini atau disemak oleh Fasspay. Sila semak Terma-Terma Penggunaan ini dan Polisi Privasi dari masa ke masa. Anda sedar dan bersetuju bahawa Fasspay boleh, menurut budi bicaranya, mengemas kini atau menyemak Terma-Terma Penggunaan ini.
- 7.2 Fasspay akan memberi sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari notis awal melalui e-mel atau melalui Dompot Pulse sebelum sebarang variasi Terma-Terma Penggunaan ini dihebahkan.

8. REPRESENTASI DAN WARANTI

- 8.1 Dengan menggunakan Dompset Pulse, anda mewakili dan menjamin bahawa anda mempunyai hak, kuasa dan keupayaan untuk menggunakan Dompset Pulse dan mematuhi Terma-Terma Penggunaan ini. Anda mengesahkan juga bahawa semua maklumat yang anda sediakan kepada Fasspay adalah tepat dan benar.
- 8.2 Penggunaan Dompset Pulse anda adalah untuk penggunaan peribadi anda sahaja. Anda berjanji untuk tidak membenarkan mana-mana pihak ketiga atau individu-individu untuk menggunakan identiti anda atau akaun Dompset Pulse, dan anda tidak akan menyerahkan atau memindahkan Akaun Dompset Pulse anda kepada mana-mana pihak ketiga. Semasa menggunakan Dompset Pulse, anda bersetuju untuk mematuhi semua perundangan berkaitan yang terpakai di Malaysia atau di negara, negeri atau bandar yang anda wakili semasa menggunakan Dompset Pulse.
- 8.3 Anda hanya boleh mengakses Dompset Pulse melalui cara yang dibenarkan sahaja. Anda bertanggungjawab untuk memeriksa dan memastikan anda memuat turun serta menggunakan perisian yang tepat untuk peranti anda. Fasspay tidak bertanggungjawab jika anda tidak mempunyai peranti yang serasi atau jika anda memuat turun versi perisian yang salah di peranti anda. Fasspay berhak untuk tidak membenarkan anda menggunakan Dompset Pulse jika anda menggunakan Dompset Pulse di peranti yang tidak serasi atau tidak dibenarkan atau untuk tujuan selain daripada tujuan penggunaan Dompset Pulse yang sepatutnya.
- 8.4 Dengan menggunakan Dompset Pulse, anda bersetuju bahawa:
- (a) Anda hanya akan menggunakan Dompset Pulse untuk tujuan-tujuan yang sah;
 - (b) Anda hanya akan menggunakan Dompset Pulse untuk tujuan penggunaan yang ditetapkan oleh Fasspay;
 - (c) Anda tidak akan menggunakan Dompset Pulse untuk menghantar atau menyimpan apa-apa bahan yang menyalahi undang-undang atau untuk tujuan menyeleweng;
 - (d) Anda tidak akan menggunakan Dompset Pulse untuk tujuan-tujuan selain mendapatkan Dompset Pulse;
 - (e) Anda tidak akan menghalang kelancaran operasi rangkaian Dompset Pulse;
 - (f) Anda tidak akan cuba untuk menjejaskan Dompset Pulse dalam apa jua cara sekalipun;
 - (g) Anda hanya akan menggunakan Dompset Pulse untuk kegunaan anda sahaja dan tidak akan menjualnya semula kepada mana-mana pihak ketiga;
 - (h) Anda tidak akan menggunakan apa-apa cara untuk memfraud Fasspay dan/atau PEL atau untuk mengayakan diri anda, melalui apa-apa cara, sama ada menyeleweng atau tidak, melalui apa-apa acara, promosi atau kempen yang dilancarkan oleh Fasspay dan/atau PEL untuk menggalakkan langganan baharu atau penggunaan Dompset Pulse oleh Pengguna baharu atau sedia ada;
 - (i) Dompset Pulse disediakan atas dasar usaha yang berpatutan; dan
 - (j) Anda akan mematuhi terma-terma Polisi Privasi berkaitan dengan penggunaan Dompset Pulse anda.

9. CUKAI

- 9.1 Anda bersetuju bahawa Terma-Terma Penggunaan ini akan tertakluk pada semua cukai, duti, bayaran, caj dan/atau kos berkanun semasa, walau apapun denominasinya, sepertimana yang mungkin dikuat kuasa dan untuk mana-mana cukai berkaitan akan datang yang boleh diperkenalkan pada bila-bila masa.

- 9.2 Anda bersetuju juga untuk memberikan usaha terbaik dalam melakukan segala yang penting dan diwajibkan oleh undang-undang relevan untuk membolehkan, membantu dan/atau mempertahankan Faspay membuat tuntutan atau mengesahkan apa-apa input kredit cukai, pengurangan, rebat atau pembayaran balik untuk mana-mana cukai yang dibayar atau boleh bayar berkaitan dengan Dompot Pulse diperuntukkan kepada anda di bawah Terma-Terma Penggunaan ini.
- 9.3 Anda bersetuju bahawa butiran Akaun Dompot Pulse anda dan semua transaksi di bawahnya boleh disediakan atas permintaan mana-mana pihak berkuasa cukai di Malaysia atau luar negara yang mana tujuan permintaan tersebut ialah obligasi pembayaran cukai yang sah dan/atau pengenalpastian aset untuk pencukaian.

10. PEMILIKAN HAK HARTA INTELEKTUAL

- 10.1 Faspay dan sekutu-sekutunya, mana-mana yang terpakai, akan memiliki semua hak, hak milik dan kepentingan, termasuklah semua hak harta intelektual dan hak tuan punya (sama ada hak-hak tersebut didaftarkan, boleh didaftarkan atau tidak, di mana-mana negara atau bidang kuasa), pada dan ke atas perisian dan/atau platform berkaitan untuk mengoperasikan Dompot Pulse.
- 10.2 Terma-Terma Penggunaan ini tidak menjadi suatu perjanjian jualan dan tidak memberi anda apa-apa hak pemilikan ke atas atau berkaitan dengan Dompot Pulse, atau apa-apa hak harta intelektual yang dimiliki oleh Faspay.
- 10.3 Nama dan logo Faspay ialah tanda dagang Faspay dan/atau sekutu-sekutunya, dan tiada hak atau lesen diberi untuk menggunakannya.

11. INTERAKSI BERSAMA PIHAK KETIGA

- 11.1 Anda boleh berkomunikasi dengan, membeli barangan dan/atau produk daripada, atau menyertai promosi penyedia barangan atau perkhidmatan pihak ketiga, pengiklan atau penaja yang mengiklankan barangan dan/atau perkhidmatan mereka melalui Dompot Pulse.
- 11.2 Sebarang aktiviti sebegini, dan apa-apa terma, syarat, waranti atau representasi berkaitan dengan aktiviti tersebut, adalah antara anda dan pihak ketiga berkenaan.
- 11.3 Faspay dan sekutu-sekutunya tidak akan menanggung liabiliti, obligasi atau tanggungjawab untuk sebarang komunikasi, pembelian, transaksi atau promosi antara anda dan mana-mana pihak ketiga yang berkenaan.
- 11.4 Faspay tidak mengendors apa-apa aplikasi atau laman di Internet yang dipaut melalui Dompot Pulse, dan dalam apa jua keadaan, Faspay atau kumpulan syarikat atau sekutunya tidak sama sekali bertanggungjawab untuk mana-mana kandungan, produk, perkhidmatan atau bahan lain pada atau tersedia di aplikasi atau laman sebegini.
- 11.5 Faspay menyediakan Dompot Pulse kepada anda menurut Terma-Terma Penggunaan ini. Anda mengakui dan menerima, walau bagaimanapun, bahawa untuk pedagang, barangan dan/atau perkhidmatan pihak ketiga tertentu mungkin memerlukan persetujuan anda ke atas terma dan syarat berbeza atau tambahan sebelum anda menggunakan atau mengakses barangan ataupun perkhidmatan tersebut, dan Faspay tidak terlibat dan menafikan apa-apa dan semua tanggungjawab dan/atau liabiliti yang timbul daripada perjanjian tersebut antara anda dan penyedia pihak ketiga.

12. PEMBATASAN LIABILITI

- 12.1 Faspay tidak membuat sebarang representasi, waranti atau jaminan ke atas kebolehpercayaan, kekinian, kualiti, kesesuaian, ketersediaan, ketepatan atau kesempurnaan Dompot Pulse.
- 12.2 Faspay tidak mewakili atau menjamin bahawa:

- (a) penggunaan Dompset Pulse akan menjadi selamat, tepat masa, lancar atau bebas ralat atau beroperasi dengan gabungan mana-mana perkakass, perisian, sistem atau data;
 - (b) Dompset Pulse akan memenuhi keperluan atau jangkaan anda;
 - (c) apa-apa maklumat atau data yang disimpan di Dompset Pulse akan menjadi tepat atau boleh dipercayai;
 - (d) kualiti mana-mana produk, perkhidmatan, maklumat, ganjaran atau bahan lain yang dibeli atau diperolehi anda melalui Dompset Pulse akan memenuhi keperluan atau jangkaan anda;
 - (e) keralatan atau kecacatan di Dompset Pulse boleh dibetulkan; atau
 - (f) Dompset Pulse adalah bebas virus atau komponen berbahaya lain
- 12.3 Dompset Pulse disediakan kepada anda, dengan tegasnya atas dasar “**sedia ada**”.
- 12.4 Semua syarat, representasi dan waranti, sama ada secara nyata, tersirat, berkanun atau tidak, termasuk tanpa terhad pada, mana-mana waranti kebolehdagangan yang tersirat, kesesuaian untuk tujuan tertentu atau bukan pelanggaran hak pihak ketiga berkenaan Dompset Pulse dan Akaun Dompset Pulse anda, adalah dengan ini terkecuali dan dinafikan ke tahap paling tinggi dan maksimum yang dibenarkan di bawah semua undang-undang, termasuklah undang-undang Malaysia.
- 12.5 Dompset Pulse boleh tertakluk pada pembatasan, penangguhan dan masalah-masalah lain yang wujud dalam penggunaan internet dan komunikasi elektronik, termasuklah peranti yang digunakan oleh anda atau Pengguna-Pengguna Dompset Pulse lain menjadi rosak, tidak dapat disambung atau di luar kawasan isyarat mudah alih atau tidak berfungsi dengan baik. Fasspay tidak akan bertanggungjawab ke atas mana-mana penangguhan, kegagalan dalam penghantaran, kerosakan atau kerugian yang timbul akibat masalah-masalah sebegini.
- 12.6 Hingga ke tahap maksimum yang dibenarkan oleh undang-undang, Fasspay akan bertanggungjawab ke atas mana-mana tuntutan, kerugian, kerosakan, kehilangan data, kos, atau perbelanjaan yang ditanggung (sama ada secara langsung atau penting), ditanggung atau ditampung oleh anda yang timbul daripada atau berkaitan dengan penggunaan Dompset Pulse anda.
- 13. PENAFIAN DAN TANGGUNGAN KERUGIAN**
- 13.1 ANDA SEDAR DAN BERSETUJU BAHAWA PENGGUNAAN DOMPSET PULSE ADALAH ATAS TANGGUNGAN ANDA SENDIRI. MANA-MANA BAHAN YANG DIMUAT TURUN ATAU DIPEROLEHI SEBALIKNYA MELALUI PENGGUNAAN DOMPSET PULSE DIDAPATI ATAS BUDI BICARA DAN RISIKO ANDA SENDIRI. FASSPAY, DAN KUMPULAN SYARIKAT, PEKERJA DAN SEKUTU MEREKA, TIDAK BERTANGGUNGGJAWAB UNTUK SEBARANG KEROSAKAN PADA PERANTI ELEKTRONIK DAN PERANTI MUDAH ALIH ANDA ATAU KEHILANGAN DATA YANG BOLEH BERLAKU KERANA MEMUAT TURUN BAHAN-BAHAN SEBEGITU, SAMA ADA ATAU BUKAN KERANA APA-APA VIRUS KOMPUTER, PEPIJAT, Malfungsi dan sebagainya. FASSPAY TIDAK MEMBUAT APA-APA REPRESENTASI ATAU WARANTI KE ATAS KESEMPURNAAN, KETEPATAN, KEBOLEHPERCAYAAN, ATAU KEKINIAN SEBARANG MAKLUMAT ATAU DATA YANG ANDA BOLEH PEROLEHI MELALUI PENGGUNAAN DOMPSET PULSE.
- 13.2 Dengan bersetuju ke atas Terma-Terma Penggunaan ini semasa menggunakan Dompset Pulse, anda bersetuju bahawa anda akan melindungi, mempertahankan dan memegang Fasspay, dan organisasi induk, cawangan dan sekutu-sekutu mereka (termasuklah pegawai, pengarah, ahli, pekerja, wakil, peguam dan ejen), tidak terlibat dan bebas daripada mana-mana serta semua tuntutan, kos, perbelanjaan, kerugian, atau kerosakan (termasuklah yuran peguam) yang timbul atau berkaitan dengan:

- (a) anda menggunakan Dompot Pulse anda dalam urusan bersama pedagang pihak ketiga, penyedia pihak ketiga, rakan kongsi, pengiklan dan/atau penaja;
 - (b) penggunaan salah atau haram Dompot Pulse termasuklah dan tidak terhad pada salah laku dengan sengaja atau penyelewengan;
 - (c) anda melanggar hak pihak ketiga, termasuklah dan tidak terhad pada mana-mana hak privasi, hak publisiti, atau hak harta intelektual; atau
 - (d) pelanggaran atau kemungkiran anda ke atas Terma-Terma Penggunaan ini atau apa-apa undang-undang atau peraturan terpakai, sama ada disebut di sini atau tidak.
- 13.3 Fasspay memegang hak mutlak untuk membatalkan apa-apa transaksi melalui Dompot Pulse untuk sebarang sebab yang diperuntukkan oleh undang-undang.
- 13.4 Fasspay ingin menekankan kepada Pengguna bahawa Fasspay tidak akan dalam apa jua cara sekalipun bertanggungjawab ke atas mana-mana Pengguna untuk sebarang kerugian yang ditanggung oleh mana-mana Pengguna, termasuk dan tidak terhad pada, apa-apa kerugian yang ditanggung oleh mana-mana Pengguna yang timbul daripada ketidakmampuan membayar Fasspay atau akibat daripada mana-mana instrument e-wang yang dicuri atau hilang atau apa-apa transaksi menyeleweng sama ada melalui penggunaan Dompot Pulse oleh Pengguna atau tidak.
- 14. PELBAGAI**
- 14.1 Kegagalan Fasspay untuk menguatkuasakan apa-apa hak atau peruntukan dalam Terma-Terma Penggunaan ini tidak menjadi penepian bagi hak atau peruntukan tersebut kecuali dipersetujui oleh Fasspay secara tertulis dan tidak akan mempengaruhi hak Fasspay untuk menguatkuasakan hak atau peruntukan tersebut.
- 14.2 Jika apa-apa peruntukan dalam Terma-Terma Penggunaan ini dianggap batal, tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan, peruntukan tersebut akan dibuang dan baki peruntukan lain dalam Terma-Terma Penggunaan ini akan kekal sah dan akan dikuatkuasakan sepenuhnya di bawah undang-undang.
- 14.3 Terma-Terma Penggunaan ini ditadbir urus dan hendaklah diertikan menurut undang-undang Malaysia secara berasingan daripada pilihan atau konflik peruntukan perundangan mana-mana bidang kuasa.
- 14.4 Tiada usaha sama, perkongsian, penggajian atau hubungan antara prinsipal dan ejen wujud antara anda, Fasspay atau mana-mana pedagang atau penyedia pihak ketiga sebagai hasil keputusan Terma-Terma Penggunaan ini atau penggunaan Dompot Pulse.
- 14.5 Terma-Terma Penggunaan ini adalah keseluruhan perjanjian antara anda dan Fasspay serta menggantikan semua rundingan atau perbincangan awal atau semasa, sama ada bertulis atau lisan (jika ada), antara anda dan Fasspay berhubung dengan kandungan Terma-Terma Penggunaan ini.

(Baki halaman ini sengaja ditinggalkan kosong)